

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Malaysia Online

TARIKH : Sabtu, 20 Januari 2018

Tiada had masa siasat Kor Ming



TUN Mohammed Hanif Omar (duduk, tiga dari kanan) dan Tan Sri Dr. Halim Shafie (duduk, dua dari kiri) bergambar bersama bekas pelajar Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) pada tahun 1962-1968 di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) hari ini. - UTUSAN ONLINE

Farhana Joni

20 Januari 2018 2:34 PM

KUALA LUMPUR 20 Jan. - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) tidak menetapkan sebarang tempoh bagi menyiasat Pengerusi DAP Perak, Nga Kor Ming yang didakwa menyebarkan kandungan jelik menerusi laman media sosialnya.

Pengerusinya, Tan Sri Dr. Halim Shafie berkata, pegawai dan anggota penguat kuasa SKMM masih menyiasat laman media sosial Kor Ming yang juga Ahli Parlimen Taiping itu bagi mengenal pasti kandungan yang sebenar.

“Perkara itu masih dalam siasatan dan buat mana ini kami tidak menetapkan had masa ia dijangka selesai.

“Keputusan hasil siasatan tersebut akan dikeluarkan kepada umum dalam masa terdekat,” katanya kepada pemberita di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), di sini.

Terdahulu, beliau mengiringi Pengerusi Lembaga Pengelola Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) yang juga bekas Ketua Polis Negara, Tun Mohammed Hanif Omar dalam Majlis Pelancaran Buku Golden 66: Golden Jubilee, Class of 1966 The Malay College Kuala Kangsar, hari ini.

Kelmarin, SKMM dalam satu kenyataan yang disiarkan menerusi Facebook rasminya memberitahu, pihaknya dengan kerjasama Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Ibu pejabat Kontinjen (IPK) Perak menyerbu premis kediaman Kor Ming di Taiping dan Ipoh susulan aduan mendakwa beliau menyebarkan kandungan jelik menerusi laman media sosialnya. - UTUSAN ONLINE